


Bab 1

Pengenalan Al-Quran



Bab 1

Pengenalan Al-Quran

1.1 Pengertian Al-Quran

Al-Quran ialah *kalamullah* yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s., ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara *mutawatir*¹ dan menjadi ibadat dengan membacanya.

Susunan al-Quran terdiri daripada cantuman 28 huruf Hijaiyah yang mana keseluruhan al-Quran mengandungi 323,671 huruf, 77,437 kalimah, 6236 ayat, 114 surah, 30 juzuk, 60 *bizib* dan 240 *maqra'*.²

1.2 Kelebihan Al-Quran

Antara kelebihan al-Quran ialah :

1. Mukjizat teragung
2. Mukjizat Nabi yang kekal hingga hari Kiamat

Sabda Nabi Muhammad SAW:

وَفَضْلُ كَلَامِ اللَّهِ عَلَىٰ سَائِرِ الْكَلَامِ كَفَضْلٌ اللَّهِ عَلَىٰ سَائِرِ
خَلْقِهِ .

¹ Iaitu riwayat orang yang ramai dan dijamin tidak berdusta terhadap Rasulullah SAW. Kemudian, daripada kumpulan ini diriwayatkan pula kumpulan lain yang serupa dengannya.

² Rujuk kitab *Ahkam al-Tajwid*

Yang bermaksud: Dan kelebihan *kalamullah* ke atas seluruh kalam (perkataan) seperti kelebihan Allah ke atas sekalian kejadianNya.

1.3 Peringkat Penurunan Al-Quran

Al-Quran diturunkan melalui beberapa peringkat iaitu:

- i. Al-Quran diturunkan ke Luh Mahfuz. Cara turun dan wujudnya al-Quran di Luh Mahfuz pada waktu yang tidak diketahui kecuali Allah.

Firman Allah SWT :

بَلْ هُوَ قَرْءَانٌ مَّجِيدٌ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ

(Surah al-Buruj 85: 21-22)

Maksudnya: Bahkan ialah al-Quran yang mulia. Diturunkan ke Luh Mahfuz.

- ii. Al-Quran diturunkan dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di Langit Dunia pada *Lailat al-Qadr* dalam satu jumlah (sekali gus).
- iii. Al-Quran diturunkan dengan perantaraan Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad SAW secara beransur-ansur.

1.4 Kaedah Penurunan Al-Quran

- i. Melalui mimpi seperti mimpi Nabi Ibrahim a.s. menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s..
- ii. Melalui suara seperti Allah SWT berbicara dengan Nabi Musa a.s..
- iii. Wahyu turun seperti bunyi loceng.
- iv. Melalui Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad SAW dalam bentuk manusia.

1.5 Nama-nama Kitab Suci dan Jumlahnya

Oleh sebab ramai Rasul utusan Allah, banyak catatan dan pesanan yang disampaikan. Ada yang disebut sebagai lembaran-lembaran (suhuf) dan ada pula dalam bentuk buku (kitab). Suhur diturunkan kepada Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Shuib a.s.. Manakala kita pula diturunkan kepada Nabi-nabi berikut:


- i. Kitab al-Taurat diturunkan kepada Nabi Musa a.s..
- ii. Kitab al-Zabur diturunkan kepada Nabi Daud a.s..
- iii. Kitab al-Injil diturunkan kepada Nabi Isa a.s..
- iv. Kitab al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

1.6 Faktor Dinamakan Kitab Suci

- i. Bebas daripada campur tangan manusia.
- ii. Kandungan sesuai dengan fitrah manusia.
- iii. Kandungannya tidak bercanggah di antara satu sama lain.

1.7 Keistimewaan Al-Quran

Perbezaan lebih khusus antara al-Quran dengan ucapan yang lain (hadis Qudsi dan hadis Nabawi) ialah al-Quran merupakan firman Allah SWT, diturunkan dengan lafaz dan makna yang jelas, dengan perantaraan Malaikat Jibril a.s. kemudian tersebar dalam bentuk-bentuk tetap dan tidak dapat ditiru dan mendapat jaminan Allah SWT. Ini berdasarkan firmanNya:



(Surah al-Hijr 15: 9)

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan kamilah yang memelihara dan menjaganya.

1.8 Fadhilat Membaca Al-Quran

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبْنَى مُسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بَعْشُرَ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ (الْم) حَرْفٌ وَلَكِنَّ الْأَلْفَ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ .

(Riwayat al-Tarmizi)

Yang bermaksud: Daripada Ibnu Mas'ud r.a. katanya Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah (al-Quran) maka baginya satu kebaikan dan satu kebaikan diganda sepuluh. Aku tidak bermaksud (Alif Lam Mim) itu satu huruf akan tetapi Alif itu satu huruf, Lam itu satu huruf dan Mim itu satu huruf.

1.9 Fadhilat Mengajar Al-Quran

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنْسِ بْنِ مُلْكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَنْ عَلِمَ إِبْنَهُ الْقُرْءَانَ نَظَرًا غُفْرَلَهُ مَا تَقْدِمُ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأْخِرُ وَمَنْ عَلِمَ إِبْيَاهُ ظَاهِرًا بَعْثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ صُورَةٍ لِلَّيْلَةِ الْبَدْرِ وَيُقَالُ لِإِبْنِهِ : اقْرَأْ فَكُلُّمَا قَرَأَ آيَةً رَفَعَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ الْأَبَ بِهَا دَرَجَةً حَتَّىٰ يَتَتَهَّى إِلَىٰ آخِرِ مَا مَضَاهٌ مِنِ الْقُرْءَانِ

(Riwayat al-Thobrani)

Yang bermaksud: Sesiapa yang mengajar al-Quran kepada anaknya secara melihat mashaf, Allah akan mengampunkan dosanya yang lalu dan orang yang terkemudian dan sesiapa yang mengajarnya secara menghafaz, Allah SWT akan membangkitkannya di hari akhirat seperti bulan purnama dan dikatakan kepada anaknya, bacalah! Tiap-tiap kali dia membaca satu ayat daripadanya Allah mengangkat darjat bapanya hingga sampai akhir ayat yang dihafaznya.

1.10 Rukun-rukun Bacaan Yang Sah³

Dari segi syarak bacaan al-Quran yang sah ialah yang memenuhi 3 rukun tilawah iaitu:

- i. Kesinambungan *sanad* dengan bacaan Rasulullah SAW (secara *musyafahah*).
- ii. Bertepatan dengan bahasa Arab *Fusbab*.
- iii. Bertepatan dengan Rasm Uthmani (*Mashaf al-Imam*) atau salah satu daripada mashaf yang enam.

1.11 Faktor Bacaan yang Baik

Dalam menilai bacaan seseorang, terdapat beberapa faktor yang telah digariskan oleh para *al-Qurra'* yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Antara faktor tersebut ialah :

- i. Membaca dengan *tartil* (iaitu bacaan tenang tanpa tergopoh-gapah dan memenuhi kehendak tajwid). Firman Allah SWT:

وَقُرْءَانًا فَرِيقَتُهُ لِتَقْرَأُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

(Surah al-Israk 17: 106)

Maksudnya: Dan al-Quran itu telah Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.

Firman-Nya lagi:

وَرِئَلِ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا

(Surah al-Muzammil 73: 4)

Maksudnya: Dan bacalah al-Quran dengan “*tartil*”.⁴

3 Tanpa rukun tersebut bacaan itu dikira Syaz (bacaan yang ditolak).

4 *Tartil* – iaitu tenang tanpa tergopoh-gapah dan bertajwid.

- ii. Pengambilan melalui *talaqqi* dan *musyafahah*. Ulamak Tajwid ada menyusun beberapa rangkap syair:

وَمَنْ يَأْخُذُ الْعِلْمَ عَنْ شَيْخٍ مُشَافَّهٍ
يَكُنْ عَنِ الزَّيْغِ وَالْتَّصْحِيفِ فِي حَرَمٍ
وَمَنْ يُكُونُ أَخْدَانِ الْعِلْمِ مِنْ صُحْفٍ
فَعِلْمُهُ عِنْدَ أَهْلِ الْعِلْمِ كَالْعَدَمِ

Yang bermaksud:

Sesiapa yang menerima ilmu daripada guru secara musyafahah,

Dia akan terselamat dari terpesong dan diseleweng
Dan sesiapa yang menerima ilmu daripada buku

Ilmunya di sisi orang yang berilmu seperti orang yang jahil

- iii. Membaca al-Quran secara *tadabbur*.

Sabda Rasulullah SAW :

مَنْ أَرَادَ يَتَكَلَّمُ مَعَ اللَّهِ فَلِقِرْأَةِ الْقُرْءَانِ

Yang bermaksud: Sesiapa yang ingin bercakap dengan Allah SWT hendaklah dia membaca al-Quran.⁵

- iv. Memperelokkan suara semasa membaca al-Quran.

Sabda Rasulullah SAW:

رَبِّيُّوا الْقُرْءَانَ بِأَصْوَاتِكُمْ

(Riwayat an-Nasai dan Abu Daud dari al-Barra)

Yang bermaksud: Perhiaskanlah al-Quran dengan suara kamu.

⁵ ملخص أحكام التجويد

- v. Bacaan dengan lajjah Arab.

Sabda Rasulullah SAW:

إِقْرُؤُوا الْقُرْءَانَ بِلُحُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا⁶

(Riwayat Abu Daud)

Yang bermaksud: Bacalah al-Quran dengan gaya pertuturan Arab dan suaranya.

- vi. Tidak mengalunkan suara dengan berlebihan.

Sabda Rasulullah SAW:

أَخْسَنُ النَّاسِ صَوْتًا مَنْ إِذَا قَرَأَ الْقُرْءَانَ رَأَيْتُهُ يَخْشَى اللَّهَ تَعَالَى

(Riwayat Jabir)

Yang bermaksud: Seseorang yang paling baik suaranya ialah mereka yang apabila membaca al-Quran, engkau melihatnya takut kepada Allah.⁷

1.12 Pembelajaran Al-Quran Pada Zaman Rasulullah, Sahabat, Tabi'in dan Masa Kemudian

- i. Pembelajaran al-Quran yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada sahabat berteraskan hafazan, penulisan dan kefahaman. Ia tidak terhad kepada orang dewasa sahaja, malahan ia didedahkan kepada kanak-kanak.
- ii. Pada zaman tabi'in, penekanan pembelajaran di peringkat kanak-kanak diperluaskan. Peringkat pertama ialah al-Quran sebagai bahan bacaan utama diajarkan dengan membaca dan menghafaz semasa kanak-kanak berusia lima tahun. Di samping itu kanak-kanak juga diajar

⁶ نوادر الأصل عن حديثة أبو داؤد

⁷ عمدة القاري

pelajaran tambahan yang lain seperti membaca, menulis, mengira, bahasa Arab dan syair.

- iii. Di peringkat ini, kanak-kanak diajar membaca dan menghafaz melalui surah yang pendek dan mengulangi mengikut bacaan guru sahaja. Kaedah ini memudahkan kanak-kanak menghafaz al-Quran walaupun tanpa memahami makna dan kandungannya.

Walau bagaimanapun, pembelajaran yang dilaksanakan dalam masyarakat kita selama ini ialah asas pembelajaran al-Quran yang berdasarkan Muqaddam al-Baghdadi dan kaedah-kaedah terkini.

1.12 Bahan-bahan Cetakan Al-Quran

Terdapat pelbagai bentuk bahan-bahan cetakan al-Quran iaitu :

- i. Kertas.
- ii. Pita.
- iii. Cakera padat.
- iv. Digital.
- v. Perisian computer.
- vi. Dan lain-lain bahan seperti logam, kulit, batu dan kayu.